

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO.8 HINGGA NO. 84)**

8 JUN 2015

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 7)**



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]**

**TARIKH : 8 JUN 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan syor-syor yang sedang dan telah dilaksanakan oleh SPR mengikut Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas (PSC) Penambahbaikan Pilihan Raya. Nyatakan kejayaan-kejayaan atau kegagalan tersebut.**

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syor-syor yang telah dilaksanakan oleh SPR dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya pada 3 Oktober 2011 adalah seperti berikut:

- (i) Penggunaan dakwat kekal;
- (ii) Pengundian awal kepada anggota polis, tentera dan pasangan PGA;
- (iii) Memberi kemudahan mengundi secara pos kepada rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara;
- (iv) Pembersihan daftar pemilih yang berterusan;
- (v) Memanjangkan tempoh Pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan selama 14 hari berbanding tujuh (7) hari;
- (vi) Ketelusan proses mengundi di mana pelan susun atur dalam saluran telah diubahsuai dan orang dipercayai oleh pemilih yang kurang upaya dibenarkan untuk membantu menanda kertas undi;
- (vii) Penambahbaikan proses pencalonan di mana proses bantahan dan proses penarikan balik pencalonan dimansuhkan;
- (viii) Memberi kemudahan mengundi secara pos kepada pekerja media;
- (ix) Memanjangkan tempoh minimum berkempen dari tujuh (7) hari kepada 11 hari; dan

- (x) Pengukuhan SPR membabitkan peruntukan undang-undang dan penambahan keperluan sumber manusia serta menaik taraf penjawatan.

Sekian. Terima kasih.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : DATO' WEE JECK SENG  
[TANJONG PIAI]

**TARIKH** : ISNIN, 8 JUN 2015

**SOALAN** :

**Dato' Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian terhadap penukaran tanah hutan kepada penanaman pokok kayu dan perladangan kelapa sawit serta getah mengikut strategi perhutanan mampan.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Perhutanan Negara ialah Dasar yang telah diluluskan oleh Majlis Perhutanan Negara dan kemudian disahkan oleh Majlis Tanah Negara. Dalam dasar tersebut, peruntukan berkaitan pembukaan tanah bagi perladangan yang membabitkan Hutan Simpanan Kekal adalah seperti berikut:

- (a) Ladang Hutan yang mencukupi akan ditubuhkan di seluruh negara untuk menampung bekalan kayu;
- (b) Ladang Hutan dari spesies-spesies cepat tumbesaran dan Ladang Hutan dari spesies-spesies bermutu tinggi akan digalakkan ditubuh di tapak-tapak yang sesuai; dan
- (c) Pihak swasta digalakkan untuk melabur di dalam penubuhan dan pembangunan ladang hutan.

Penubuhan ladang hutan di dalam HSK hendaklah mematuhi syarat-syarat penubuhan ladang hutan di Semenanjung Malaysia yang telah dipersetujui oleh Majlis Tanah Negara (MTN) Ke-68 yang bersidang pada 9 Ogos 2012, iaitu seperti berikut:

- (a) Kawasan ladang hutan dalam HSK hendaklah ditubuhkan dalam zon-zon penubuhan ladang hutan yang telah dikenal pasti oleh Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri seluas 439,189 hektar;

- (b) Penubuhan kawasan ladang hutan hendaklah tidak melebihi 5% daripada jumlah keluasan hutan asli dalam HSK bagi tempoh 7 tahun; dan
- (c) Penubuhan ladang hutan hendaklah selaras dengan Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil.01/2010 bertarikh 22 Disember 2010 berkaitan 'Panduan Penilaian Ke Atas Kawasan Dalam Hutan Simpanan Kekal Untuk Pembangunan Ladang Hutan' dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF**  
**[ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 8 JUN 2015 ( ISNIN )**

**SOALAN :**

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ] minta**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT menyatakan program kebajikan untuk keluarga warga**  
**emas di pusat-pusat pengajian pondok di seluruh negara.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA  
DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat komited dan akan terus memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan golongan warga emas bagi mengenang jasa serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan tersebut ke arah penuaan sihat, aktif dan produktif.

Setakat ini, KPWKM tidak mempunyai peruntukan yang khusus untuk keluarga warga emas di pusat-pusat pengajian pondok di seluruh negara. Warga emas di pusat pengajian pondok ini boleh memohon Bantuan Orang Tua (BOT) berjumlah RM300.00 sebulan jika mereka memenuhi kriteria yang ditetapkan. Bantuan ini adalah satu inisiatif keprihatinan kerajaan bagi membantu warga emas menampung sebahagian kos sara hidup.

Selain daripada itu, warga emas ini juga boleh berdaftar dengan Pusat Aktiviti Warga Emas yang berdekatan dengan pusat pengajian pondok masing-masing. PAWE disasarkan kepada warga emas yang

sihat dan dapat mengurus diri. Perkhidmatan ini bercorak pendampingan sosial bertujuan untuk memberi kemudahan kepada warga emas yang tinggal bersendirian di rumah untuk menjalani aktiviti sosial dan riadah di pusat ini. Sehingga kini terdapat 50 buah PAWE telah beroperasi dan seramai 25,307 warga emas yang telah berdaftar di PAWE.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[PAYA BESAR]**

**TARIKH : 8 JUN 2015**

**SOALAN :**

**YB Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan meneliti cadangan untuk mengadakan peperiksaan kemasukan atau kesesuaian untuk menjalankan amalan sebagai doktor serta tempoh induksi yang lebih lama untuk doktor pelatih memahami kerja mereka dengan lebih baik sebagai langkah menangani masalah "Housemanship" tidak tamat latihan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) prihatin mengenai tempoh kursus induksi bagi graduan perubatan yang baru dilantik untuk menjalani latihan siswazah. Pada awal tahun 2012, kursus induksi hanya diadakan selama

lima (5) hari. Namun bagi membantu doktor pelatih memahami kerja mereka dengan lebih baik, maka mulai 1 September 2014, tempoh kursus induksi telah dipanjangkan ke dua (2) minggu di mana minggu pertama meliputi aspek-aspek am kerajaan dan pada minggu ke dua pula adalah sesi modul latihan klinikal. Pihak KKM juga sedang mengkaji kemungkinan memanjangkan kursus induksi melalui pelaksanaan Pemantapan Program Kompetensi Pegawai Perubatan Siswazah.